

Utusan Malaysia – Ekonomi, 20 November 2006, Page 20, "Kerana minat membeli-belah, Jaafar beli Subang Parade". [1 of 1]

Kerana minat membeli-belah, Jaafar beli Subang Parade

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 19 Nov. – Bermula dengan minatnya yang amat gemar membeli-belah, tokoh korporat tempatan Datuk Jaafar Abdul Hamid akhirnya memutuskan untuk memiliki sendiri kompleks membeli-belah.

Beliau kini memiliki dua buah kompleks membeli-belah yang terkenal - Subang Parade dan Mahkota Parade - dan sedang meneli-

ti untuk menambah lagi 'koleksi' itu.

"Memang hobi saya membeli-belah, saya membeli kompleks membeli-belah kerana mahu memperkenalkan konsep pusat membeli-belah yang saya inginkan."

"Saya kecewa dengan tahap pengurusan seseorang pusat membeli-belah di negara ini yang telah menyebabkan kebanyakan kompleks berpotensi tapi menjadi lesu," katanya.

Menurut Jaafar, hasratnya untuk memiliki kompleks membeli-belah menjadi nyata pada tahun 2002.

Bagaikan orang mengantuk di sorong bantal, beliau telah mendapat tawaran daripada Lion Group, salah sebuah konglomerat terkenal di negara ini, untuk memiliki kompleks beli-belahnya di seluruh negara.

"Memang secara ketuban ketika itu, Lion Group datang menawarkan kompleks beli-belahnya kepada saya dan kesempatan itu tidak dilepaskan."

"Tetapi daripada semua yang ditawarkan saya hanya memiliki Subang Parade dan Mahkota Parade kerana kedudukannya strategik dan potensi pelanggan," katanya.

Beliau yang merupakan pemilik syarikat Hektar Classic Sdn. Bhd., Hektar Premier Sdn. Bhd. dan Hektar Black Sdn. Bhd. berkata, Subang Parade di Subang Jaya dan Mahkota Parade di Melaka, masing-masing dibeli pada tahun 2003 dan 2004 kesemuanya pada harga RM370 juta.

Namun begitu, Jaafar yang dipercayai menjadi bupitutera pertama negara memiliki kompleks beli-belah di Malaysia mengakui memang bukan satu tugas mudah untuk mengembalikan kecerian pusat yang 'lesu'. Katanya, Hektar Premier yang memiliki Subang Parade dan Hektar Black empunya

mahukan kompleks beli-belah miliknya menyediakan kemudahan setaraf pusat-pusat beli-belah antarabangsa walaupun menyarkan pengunjung di kalangan golongan sederhana.

"Rakyat kita memang suka membeli-belah, tidak kira apa pun status mereka tetapi yang hairannya mengapa mereka tidak disediakan perkhidmatan yang sewajarnya?", katanya.

Menurut Jaafar, hasratnya untuk memiliki kompleks membeli-belah menjadi nyata pada tahun 2002.

Bagaikan orang mengantuk di sorong bantal, beliau telah mendapat tawaran daripada Lion Group, salah sebuah konglomerat terkenal di negara ini, untuk memiliki kompleks beli-belahnya di seluruh negara.

"Memang secara ketuban ketika itu, Lion Group datang menawarkan kompleks beli-belahnya kepada saya dan kesempatan itu tidak dilepaskan."

"Tetapi daripada semua yang ditawarkan saya hanya memiliki Subang Parade dan Mahkota Parade kerana kedudukannya strategik dan potensi pelanggan," katanya.

Beliau yang merupakan pemilik syarikat Hektar Classic Sdn. Bhd., Hektar Premier Sdn. Bhd. dan Hektar Black Sdn. Bhd. berkata, Subang Parade di Subang Jaya dan Mahkota Parade di Melaka, masing-masing dibeli pada tahun 2003 dan 2004 kesemuanya pada harga RM370 juta.

Namun begitu, Jaafar yang dipercayai menjadi bupitutera pertama negara memiliki kompleks beli-belah di Malaysia mengakui memang bukan satu tugas mudah untuk mengembalikan kecerian pusat yang 'lesu'. Katanya, Hektar Premier yang memiliki Subang Parade dan Hektar Black empunya

Mahkota Parade telah membelanjakan kira-kira RM24 juta untuk kerja-kerja naik taraf.

Jaafar memberitahu, selain membuat perubahan hampir keseluruhan Subang Parade dan Mahkota Parade, syarikatnya juga agak selektif dalam pemilihan penyewa yang sedang ada.

Jelasnya, langkah dibuat semata-mata untuk memastikan para penyewa Subang Parade dan Mahkota Parade bersama-sama menawarkan persekutuan membeli-belah yang diharapkan oleh rakyat Malaysia.

"Sesinya yang sudah 'meninggalkan' Subang Parade, pergilah lihatnya semula, anda pasti kagum dan berpuas hati," katanya.

Buktinya, Jaafar menambah sejak Subang Parade selesai menjalani kerja-kerja menaik taraf jumlah pengunjung semakin bertambah.

Tahun lalu sahaja, kata beliau, kedua-dua kompleks beli-belah itu mencatatkan jumlah pengunjung sebanyak 24 juta, peningkatan kira-kira 4.4 peratus berbanding tahun 2004.

Ditanya mengenai misinya pada masa depan, Jaafar berkata, beliau bakal membungkurnya sebuah kompleks beli-belah di Nusajaya, Johor Bahru pertengahan tahun depan dan dijangka beroperasi pada bulan Jun 2009.

Selain itu, tambahnya, syarikat itu sedang menumpukan tawaran awam perumahaan (IPO) untuk amalan hartahan (REITs) yang dijadualkan pelancarannya awal bulan hadapan.

Menurut beliau, sebahagian besar perolehan itu akan digunakan untuk membayar pengambil alihan dua buah kompleks membeli-belah, Subang Parade dan Melaka Parade.



JAAFAR ABDUL HAMID



BILANGAN pengunjung ke Subang Parade berjaya ditingkatkan selepas diambil alih.

"Kami yakin IPO REITs kami ini akan menjana perolehan yang baik kerana ia menyediakan peluang pulangan pelaburan sehingga 8.47 peratus," ujar beliau.

Pada masa yang sama, tambah beliau, syarikat itu juga sedang mengintai peluang untuk membeli kompleks-kompleks beli-belah yang 'lesu' tetapi masih mampu berdaya saing.

Jaafar berkata, hasil kajian yang dijalankan mendapati sebanyak 384 buah kompleks beli-belah di Malaysia yang kini dalam keadaan 'lesu' berpotensi dimajukan semula.

"Kita masih meninjau peluang yang ada untuk REITs kerana ia memberi pulangan pelaburan tinggi," tambah beliau.